

Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

Bengkel Perancangan Strategik UiTMCPP 2022: Kurangkan Keluhan, Lebihkan Kebaikan

oleh Prof. Madya Dr. Rofiza Aboo Bakar

Bengkel Perancangan Strategik 2022 UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diadakan di Hotel La Crista, Melaka pada 24 – 26 Februari, 2022. Seramai kira-kira 56 orang termasuk Rektor Kampus, Timbalan-timbalan Rektor, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Koordinator Perancangan Strategik UiTMCPP serta AJK-AJK Perancangan Strategik setiap fakulti dan jabatan telah menghadiri bengkel ini yang dijalankan secara bersemuka selama tiga hari.

Tujuan bengkel ini diadakan ialah untuk memastikan UiTMCPP dapat mengekalkan kecemerlangan yang dicapai pada tahun 2021 dengan pencapaian cemerlang 96% PI yang turut menempatkan kampus tercinta ini berada pada tangga kelima dalam keseluruhan 13 kampus. UiTMCPP hanya ketinggalan sedikit di belakang kampus-kampus Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak.

Dalam sesi ucapan perasmian bengkel, Rektor UiTMCPP, Yg. Bbhg Profesor Dr. Salmiah Kasolang, telah menyatakan bahawa UiTMCPP beruntung kerana mempunyai kira-kira 30% staf yang tidak berkira keringat dan tenaga dalam memastikan bahawa kerja-kerja terlaksana dengan baik. Maka adalah diharapkan bahawa semangat ini turut dikongsi oleh kesemua staf yang tidak selalu berkeluh-kesah, tidak sekadar melepas-kan batuk di tangga atau sambil lewa tetapi bekerja bersungguh-sungguh dengan meletakkan azam berbuat kebaikan kepada manusia dan alam sebagai matlamat utama. Ujar beliau, “Janganlah kita terlambau banyak mengeluh. Biarlah kita

bekerja dengan bersungguh-sungguh dan membuat kebaikan yang banyak agar kebaikan ini terus mengalir selama-lamanya.” Untuk itu, beliau turut menyeru supaya perpaduan dan ukhwah yang utuh diterapkan dalam kalangan staf. Juga, jangan ada yang menikam dari belakang. Kurangkan keluhan, lebihkan kebaikan. Kurangkan umpatan tetapi lebihkan amalan beristighfar, berselawat, solat dhuha dan solat malam selain daripada solat wajib.

Nasihat beliau lagi ialah untuk sesama staf saling bersinergi. Yang kuat hendaklah membantu yang lemah dan jangan disisihkan. Sebagai contoh, seseorang yang cemerlang di dalam bahagian penulisan wajar menunjuk jalan kepada yang kurang arif akan cara-cara menulis dengan baik supaya hasil penulisan dapat diterbitkan dalam jurnal yang baik. Pertolongan yang diberikan kadangkala tidak dapat dibalas secara langsung oleh manusia tetapi dinilai sebaik-baiknya oleh Yang Maha Bijaksana.

Nasihat terakhir tetapi terpenting ialah beliau mengingatkan bahawa setiap staf hendaklah meletakkan pengabdian kepada Tuhan ketika bertugas. Jadilah staf yang bertaqwa dan bijaksana. Kebijaksanaan mungkin tidak dapat dikecap dengan mudah dan mungkin juga harus melalui proses kesukaran dan cobaan tetapi kita tidak boleh mengalah. Hidup ini ada pasangannya: derita dan bahagia serta susah dan senang. Tetapi jika kita selalu bersyukur, berdoa dan berazam melakukan yang terbaik, jiwa akan selalu tenteram.



Yg Bbhg Profesor Dr. Salmiah Kasolang sedang memberi ucapan perasmian bengkel



Yg Bbhg Profesor Dr. Salmiah Kasolang bergambar kenangan dengan Kumpulan 2 di bawah pimpinan Trek HEA. Penulis duduk di barisan hadapan paling kanan